



Submission date: 08/05/2023 Accepted date: 10/09/2023 Published date: 01/10/2023

DOI: <https://doi.org/10.33102/abqari.vol29no1.563>

## PERANAN PIHAK BERAUTORITI MENANGANI PENYELEWENGAN DALAM AMALAN PENGUBATAN ISLAM DI MALAYSIA: ANALISIS PENDEKATAN DAKWAH

*The Role of Authority Parties in Addressing Irregularities in The Practice of Islamic Medicine in Malaysia: An Analysis of Da'wah Approach*

Nurain Ab Hamid<sup>a1</sup> & Nik Suhaida Nik Abdul Majid<sup>b</sup>

<sup>ab</sup>Faculty of Leadership & Management, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

<sup>1</sup>nurainhamid@raudah.usim.edu.my

### Abstrak

Amalan pengubatan Islam adalah satu bidang perubatan yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di bawah Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (BPTK) sebaris dengan enam perubatan tradisional dan komplementari yang lain. Demi menjaga prinsip amalan pengubatan Islam patuh syariah, terdapat beberapa langkah dan peranan yang dimainkan oleh pihak berautoriti pada peringkat persekutuan seperti KKM, pada peringkat negeri seperti Jabatan Agama Islam Negeri Melaka (JAIM) dan pada peringkat badan pengamal iaitu Persatuan Perubatan, Pengubatan dan Kebajikan Islam Malaysia (Darussyifa'). Justeru, artikel ini membincangkan peranan pihak berautoriti sebagai suatu gerakan dakwah dari konteks mencegah kemungkaran atas *mafsadah* yang berlaku. Oleh itu, data primer daripada kaedah temu bual dan data sekunder daripada kajian kepustakaan digunakan sebagai kaedah pengumpulan data kajian ini. Seterusnya, data diinterpretasi dengan menggunakan analisis kandungan dan analisis tematik. Kajian ini mendapati terdapat empat pendekatan dakwah yang digunakan oleh pihak berautoriti iaitu dakwah melalui kuasa, amaran dan undang-undang, *mauizah al-hasannah*, *mudajalah* dan dakwah melalui saluran dan media. Kesimpulannya, peranan dakwah pada peringkat Persekutuan, negeri mahupun pada peringkat badan pengamal adalah sangat penting dalam menangani penyelewengan yang dilakukan oleh pengamal yang semakin membarah dalam amalan pengubatan Islam di Malaysia.

Kata kunci: Amalan pengubatan Islam, pendekatan dakwah, penyelewengan, pengamal pengubatan, LAJPPI.

### Abstract

Islamic medicine is one of six traditional and complementary medical specialties recognised by the Malaysian Ministry of Health (MOH) under the Traditional and Complementary Medicine Division (TCM). Authorities at the federal level, such as the Ministry of Health Malaysia, at the state level, such as the Melaka State Department of Islamic Religion, and at the level of practitioners, such as the Malaysian Islamic Medicine, Medicine and Welfare Association (Darussyyifa'), play a number of steps and roles in maintaining the principles of Islamic medicine practises that comply to Sharia. In order to prevent evil from occurring on the *mafsadah*, this article discusses the role of the authorities as a da'wah movement. In order to collect data for this study, both primary data from the interview method and secondary data from the literature review were used. Following that, content analysis and thematic analysis are used to interpret the data. This study found that there are four da'wah approaches used by the authorities, namely da'wah through power, warning and law, *mauizah al-hasannah*, *mudajalah* and da'wah through channels and media. In conclusion, da'wah plays an essential role at the federal, state, and practitioner levels in addressing the issue of religious deviation that is becoming increasingly of an issue in Malaysian Islamic medicine.

Keywords: Islamic medical practices, da'wah approach, deviation, medical practitioners, LAJPPI.

### PENDAHULUAN

Amalan pengubatan Islam menurut Garis Panduan Amalan Pengubatan Islam 2011 adalah suatu ikhtiar penyembuhan penyakit jasmani dan rohani oleh seorang perawat Islam yang mahir dalam kaedah rawatan dengan menggunakan ayat-ayat al-Quran atau hadith, amalan salaf al-soleh, ulama muktabar atau kesemuanya sekali serta menggunakan kaedah-kaedah atau bahan-bahan yang dibenarkan syarak (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2011).

Secara umumnya, amalan pengubatan Islam diiktiraf sebaris dengan bidang Perubatan Tradisional dan Komplementari yang lain seperti perubatan alopati, homeopati, perubatan tradisional Melayu, Cina, India dan lain-lain, tetapi, hakikatnya terdapat perbezaan antara amalan pengubatan Islam dengan perubatan-perubatan tersebut. Hal ini demikian disebabkan amalan pengubatan Islam adalah suatu bidang perubatan yang berkait rapat dengan penjagaan prinsip-prinsip agama Islam iaitu merangkumi aspek akidah, syariah dan akhlak. Bagi memastikan prinsip-prinsip ini dipatuhi,

amalan pengubatan Islam dikawal selia oleh barisan yang mempunyai kemahiran dan autoriti dalam bidang tersebut. Antaranya ialah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Lajnah Pengawalseliaan Pengamal Pengubatan Islam (LAJPP) di bawah Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (PTK) yang berperanan mengawal selia dari sudut pendaftaran pengamal perubatan, Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri seperti di Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) serta badan pengamal pengubatan Islam yang diiktiraf oleh KKM di bawah PTK iaitu Persatuan Perubatan, Pengubatan dan Kebajikan Islam Malaysia (Darussyyifa').

Realitinya, masih terdapat sebahagian pengamal pengubatan di beberapa pusat rawatan mengamalkan amalan yang bercanggah dengan akidah dan syariah. Menurut Ahmad Naja' et al., (2018), amalan tersebut merupakan amalan khurafat iaitu menggunakan kaedah rawatan yang dilakukan oleh pawang dan bomoh. Amalan khurafat bermaksud cerita-cerita yang mempersonakan yang dicampuradukkan dengan pekara dusta, khayalan, ajaran-ajaran, pantang larang, adat istiadat, ramalan, pemujaan atau kepercayaan yang amat bertentangan dengan ajaran Islam (JAKIM, 2006).

Sebagai contoh, amalan meminta dan memberi pengeras iaitu sejenis amalan atau perbuatan atau syarat yang menandakan sebagai *taqarrub* kepada syaitan, amalan ini selalunya dilakukan oleh ahli sihir. Selain itu, amalan puja hajat bermaksud solat hajat dan doa khusus yang hanya boleh dilakukan oleh para wali Allah. Tetapi, pada hakikatnya kumpulan wali Allah tersebut adalah sekumpulan jin atau syaitan yang menyamar sebagai wali Allah. Selain itu juga, amalan menggunakan barang naja, perkara yang diharamkan dan ganjil dalam kaedah rawatan seperti arak untuk mengurut atau diberi minum, menggunakan darah manusia, binatang seperti ayam, daging babi dan lain-lain (Ahmad Naja' et al., 2018). Seterusnya, amalan menyeru dan meminta pertolongan makhluk ghair (Farhan, M. A. et al., 2013), menggunakan jampi-jampi yang dicampur aduk antara ayat-ayat al-Quran dengan jampi dan mentera yang tidak difahami (Munirah Abd Razzak, 2019).

Kajian Farhan, M. A. et al., (2013) dan Ahmad Naja', M. et al., (2018) turut menyatakan bahawa terdapat beberapa pusat pengubatan Islam telah mengamalkan amalan khurafat dan tasyul seperti amalan alin telur, penggunaan jin dan syaitan, amalan tilikan, penggunaan jampi serapah, tangkal azimat, ilmu sihir, pembedahan batin, pukau atau hipnosis, amalan menangkap jin, rawatan jarak jauh, menghadirkan roh, berdamping dengan jin dan bantuan pengantara supaya hajat dikabulkan. Walau bagaimanapun, pengamal tersebut masih mendakwa bahawa kaedah rawatan yang dijalankan itu adalah berlandaskan syariat Islam. Hal ini perlu diperhalusi kerana dibimbangi menjadi pintu kepada tipu daya syaitan.

Malah, terdapat laporan yang menyatakan bahawa pengamal pengubatan juga terkait dengan pemasalahan dari segi moral atau akhlak. Sepertimana kes yang berlaku pada Jun 2022, seorang lelaki yang berusia 60-an yang juga pengasas pusat perubatan Islam jarak jauh ditahan selepas disyaki berkhawat dengan pekerjaannya dalam sebuah rumah. Menurut laporan Yaacob (2022), kes disiasat mengikut Seksyen 53 (1) dan (2) Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991 kerana berkurung atau bersekediaman sehingga mendatangkan syak.

Pada Oktober 2021, seorang pengamal pengubatan berusia 67 tahun yang dikenali sebagai Ayah Su telah ditahan atas dakwaan merogol seorang wanita berusia 23 tahun ketika mendapatkan rawatan selepas pengamal tersebut menyakinkan bahawa mangsa mengalami gangguan mahluk halus (Faizal Ghazali, 2021).

Selain itu, menurut laporan Siti Rohana Idris (2021), kes cabul remaja perempuan berusia 15 tahun pada Ogos 2021 oleh seorang lelaki berusia 39 tahun yang berasal dari Perlis dan dikenali sebagai ‘ustaz’ juga mendakwa dirinya sebagai pengamal perubatan di Pasir Tumboh. Kes ini disiasat mengikut Seksyen 14(1) (d) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak.

Seterusnya, seorang pengamal perubatan Islam juga yang bergelar ‘ustaz’ berusia 52 tahun telah ditangkap selepas disyaki mencabul seorang pesakit wanita berusia 30 tahun yang didakwa olehnya telah terkena buatan orang. Wanita tersebut telah mendapatkan rawatan di sebuah pusat perawatan Islam di Hulu Terengganu pada 22 November 2020 (Adli Mat Daud, 2020).

Implikasi dari hal ini sangat besar disebabkan ia termasuk dalam perkara yang dilarang oleh Islam. Perkara ini mengancam akidah umat Islam. Seseorang Muslim yang mempercayai dan mengamalkan amalan perubatan yang terdapat unsur khurafat (cerita dusta) dan amalan-amalan yang bertentangan dengan Islam telah melakukan perbuatan yang haram dan berdosa besar. Hal ini sebagaimana firman Allah SWT:

وَلَا تَدْعُ مِنْ دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَقْعُدُ وَلَا يَضُرُّ كُلُّ فِيْنَ فَعَلْتَ فِيْكَ إِذًا مِنَ الظَّالِمِينَ

*Maksudnya: “Dan janganlah engkau menyembah atau memuja yang lain dari Allah, yang tidak dapat mendatangkan manfaat kepadamu dan juga tidak dapat mendatangkan mudarat kepadamu. Sekiranya engkau mengerjakan yang demikian maka jadilah engkau orang-orang yang berlaku zalim (terhadap diri sendiri dengan perbuatan syirik itu).” (Al-Quran. Yunos 10:106)*

Malah, hal ini juga boleh mencemarkan nama Islam, mewujudkan salah faham terhadap agama Islam, menggugat kredibiliti sebagai seorang pengamal pengubatan

Islam dan lain-lain kesan lagi. Oleh hal yang demikian, peranan pihak berautoriti yang berkaitan adalah penzahiran kepada usaha dakwah.

Tujuan dakwah adalah untuk menyeru manusia kembali kepada syariat atau hukum-hukumnya mengikut perintah yang bersesuaian dengan kehendak agama (Natsir, 1978). Malah, agama bukan sekadar aspek kepercayaan sahaja, tetapi terdapat pelbagai aspek kehidupan untuk mengatur manusia sama ada hubungan manusia dengan Allah SWT ataupun sesama manusia.

Justeru, artikel ini terpanggil untuk membincangkan pendekatan dakwah pihak berautoriti dalam menangani isu penyelewengan dalam amalan pengubatan Islam di Malaysia. Selain itu, artikel ini juga sebagai satu sumbangan ke arah mewujudkan dan menyeragamkan pusat pengubatan Islam patuh syariah melalui medium dakwah di Malaysia.

## METODOLOGI

Reka bentuk kajian kualitatif dipilih kerana artikel ini memerlukan pemahaman dan interpretasi yang teliti dan lebih mendalam dengan memahami masalah kajian terhadap keseluruhan fenomena daripada informan kajian (Creswell, 2014). Fokus informan artikel ini adalah terdiri daripada pihak berautoriti yang berkaitan dengan bidang amalan pengubatan Islam. Oleh itu, kajian ini menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Menurut Fauziah Mat (2011), persampelan tujuan merujuk kepada prosedur persampelan iaitu sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri tertentu sahaja dipilih sebagai informan kajian berdasarkan pengetahuan dan tujuan khusus tentang perkara yang sedang dikaji. Selepas itu, data primer daripada temu bual dan data sekunder daripada kajian kepustakaan akan dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan atau '*content analysis*' dan analisis tematik. Analisis kandungan kualitatif adalah kaedah analisis secara sistematis mengubah sejumlah besar teks menjadi hasil ringkasan utama yang sangat teratur dan padat. Data mentah daripada temu bual yang telah ditranskripsi secara verbatim dibentuk menjadi kategori atau tema iaitu melalui proses interpretasi daripada kandungan nyata dan literal kepada makna yang tersembunyi (Erlingsson, C. & Brysiewicz, P., 2017). Demikian pula, menurut Fereday & Muir-Cochrane dalam Heriyanto (2018), menjelaskan bahawa kaedah analisis tematik sangat efektif untuk sesebuah kajian bagi mengupas data kualitatif secara terperinci dengan mengumpulkan maklumat-maklumat yang berkaitan dalam sesuatu fenomena lalu dijelaskan melalui perbincangan hasil kajian.

## **PERANAN PIHAK BERAUTORITI DALAM HAL EHWAL AMALAN PENGUBATAN ISLAM DI MALAYSIA**

### **Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)**

Unit Hal Ehwal Islam di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berperanan dalam membentuk Lajnah Pengawalseliaan Pengamal Pengubatan Islam (LAJPI) dengan kerjasama Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari dalam melaksanakan pengawalseliaan hal ehwal amalan pengubatan Islam. Oleh itu, terdapat beberapa kaedah pengawalseliaan yang dilakukan, antaranya melalui;

#### **1. Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 (Akta 775)**

Pengawalseliaan amalan perubatan Islam ini tertakluk di bawah satu akta iaitu Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 (Akta 775). Akta ini telah mengiktiraf amalan pengubatan Islam sebagai salah satu modaliti perubatan tradisional dan komplementari sebaris dengan enam amalan perubatan lain seperti perubatan tradisional melayu, tradisional cina, homeopati dan lain-lain lagi.

Akta ini telah menetapkan bahawa setiap pengamal ataupun sesiapa sahaja yang ingin beramal dengan mana-mana amalan perubatan tradisional dan komplementari yang telah diiktiraf, hendaklah mendapatkan kebenaran beramal daripada KKM. Proses untuk mendapatkan kebenaran diuruskan oleh Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari yang berfungsi untuk mengawal selia semua bidang perubatan yang diiktiraf di bawah Perubatan Tradisional dan Komplementari (PTK). Oleh itu, Majlis PTK akan melaksanakan proses pendaftaran kepada sesiapa yang ingin beramal dengan amalan pengubatan Islam dan perubatan-perubatan yang lain. Setakat ini (5/10/2022), seramai 619 orang telah berdaftar secara rasmi dan mendapat kelulusan KKM untuk beramal dalam amalan pengubatan Islam di seluruh Malaysia.

Menurut Akta 775, sesiapa yang beramal tanpa kelulusan atau kebenaran beramal daripada KKM, maka boleh dikenakan denda sebanyak RM30,000 dan lima tahun penjara ataupun kedua-duanya sekali bagi kesalahan pertama. Sekiranya berlaku kesalahan kedua, akan dikenakan denda sebanyak RM50,000 dan penjara selama lima tahun.

Malah, sekiranya pengamal telah mendapatkan kebenaran beramal oleh KKM, tetapi melakukan sebarang jenayah seperti menganiaya pesakit atau melakukan kesalahan jenayah seksual, melakukan penyelewengan iaitu tidak patuh syariah dan lain-lain, maka, Bahagian PTK boleh mengambil tindakan dengan menggantung atau membatalkan kebenaran beramal.

Selain itu, sekiranya terdapat pengamal pengubatan Islam yang telah lulus mendapatkan kebenaran beramal oleh KKM dan melakukan penyelewengan iaitu tidak patuh syariah, tindakan akan diambil oleh bahagian penguatkuasaan PTK dengan kerjasama bahagian penguatkuasaan di Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri. Oleh itu, penguatkuasaan akan melibatkan kedua-dua pihak berautoriti iaitu di peringkat negeri dan peringkat persekutuan. Namun, dari sudut perundangan, tindakan undang-undang akan dilaksanakan di peringkat Persekutuan.

## 2. Lajnah Pengawalseliaan Pengamal Pengubatan Islam (LAJPPI)

KKM telah menubuhkan satu badan perwakilan fungsi iaitu Lajnah Pengawalseliaan Pengamal Pengubatan Islam (LAJPPI) sebagaimana yang terdapat dalam akta iaitu Akta 75 Seksyen 76 (1) yang menjelaskan berkaitan perlantikan ataupun pengiktirafan perwakilan fungsi disebabkan KKM tidak mempunyai kemahiran yang berkaitan, maka KKM melantik satu entiti lain yang mempunyai kemahiran dalam bidang amalan pengubatan Islam bagi membantu memperkasa pengamal pengubatan Islam patuh syariah.

Objektif Lajnah Pengawalseliaan Pengamal Pengubatan Islam (LAJPPI) terbahagi kepada dua. Pertama, untuk mengawal perkembangan amalan pengubatan Islam melalui proses pendaftaran, pemantauan dan penguatkuasaan supaya menepati hukum syarak. Kedua, menentukan hala tuju dan merancang pembangunan amalan perubatan Islam di Malaysia. Antara ahli-ahli yang terlibat dalam LAJPPI adalah mereka yang mempunyai kepakaran dalam bidang amalan pengubatan Islam seperti barisan pakar-pakar akidah, syariah, mufti, wakil badan pengamal pengubatan Islam, doktor-doktor perubatan, pihak berautoriti daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan lain-lain yang berkaitan. Hal demikian bagi melaksanakan fungsi-fungsi mengawal selia dan menjalankan beberapa bentuk saringan untuk memastikan sesiapa yang diberikan kebenaran beramal sebagai pengamal pengubatan Islam adalah individu-individu yang mematuhi syariah.

## 3. Standard Pengukuran Pematuhan Syariah (i-SYIFA')

Standard Pengukuran Pematuhan Syariah (i-SYIFA') adalah suatu instrumen yang digunakan oleh LAJPPI dalam proses saringan terhadap pengamal yang ingin berdaftar. i-SYIFA' merupakan satu dokumen yang menjelaskan bagaimana cara menjalankan saringan, pemarkahan dan lain-lain untuk mendapatkan keputusan sama ada seseorang yang berdaftar sebagai pengamal pengubatan Islam itu lulus ataupun gagal mendapatkan kebenaran beramal daripada KKM. i-SYIFA' dibangunkan oleh satu komuniti yang dilantik oleh KKM dan JAKIM. Antara ahli yang terlibat adalah daripada pengamal-pengamal pengubatan Islam seperti Haron Din, Jahid Sidek dan lain-lain lagi. Seterusnya, i-SYIFA' dibangunkan dengan menggunakan dana

penyelidikan daripada JAKIM kemudian kajian dilaksanakan oleh penganjur di Universiti Malaysia Pahang (UMP). Kemudian, i-SYIFA' telah diangkat ke Jawatankuasa Fatwa JAKIM untuk disahkan pada tahun 2014 sebagai suatu instrumen pengukuran pematuhan syariah pengamal pengubatan Islam.

#### 4. Prosedur Pendaftaran Pengamal Pengubatan Islam

Pengamal pengubatan Islam hendaklah memohon secara atas talian dengan melayari laman web di Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari. Pemohon hendaklah menyediakan dokumen-dokumen yang diperlukan kemudian dihantar ke Majlis PTK. Selepas itu, Majlis PTK akan menghantar maklumat tersebut kepada Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri yang berkaitan untuk melaksanakan proses saringan. Ataupun terus menerusi Jabatan Agama Islam Negeri. Hal ini demikian disebabkan KKM mempunyai hubung jalin dan kerjasama bersama Jabatan Agama Negeri-Negeri. Kemudian, Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri akan menghantar laporan kepada LAJPII. Bagi melaksanakan proses pendaftaran dan mendapatkan kebenaran beramal sebagai pengamal amalan pengubatan Islam hendaklah melalui proses saringan termasuk melepas pemarkahan i-SYIFA'. Seterusnya, LAJPII akan bersidang untuk memutuskan sama ada pemohon yang disaring di peringkat negeri tersebut layak ataupun tidak untuk diiktiraf sebagai pengamal pengubatan Islam.

#### 5. Syarat-Syarat Pendaftaran Pengamal Pengubatan Islam

Terdapat empat syarat pendaftaran sebagai pengamal pengubatan Islam. Syarat-syarat tersebut adalah seperti yang berikut;

- i. Mempunyai kelayakan diiktiraf, iaitu Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) tahap 4: Perawatan Ruqyah. Akan diberi pengiktirafan tanpa perlu melalui saringan i-SYIFA'; atau
- ii. Mendapat Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) yang diiktiraf oleh pihak Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) setaraf dengan peringkat Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) tahap 4: Perawatan Ruqyah. Akan diberi pengiktirafan tanpa perlu melalui saringan i-SYIFA'; atau
- iii. Mempunyai pengalaman mengamal dalam bidang amalan pengubatan Islam yang telah disahkan; mendapat pengesahan dan sokongan daripada Badan pengamal yang diiktiraf oleh Majlis PTK iaitu Darussyifa' dan tidak perlu melalui saringan i-SYIFA'; atau
- iv. Melalui saringan i-SYIFA' dan bukti telah memenuhi saringan.

Hal ini demikian menunjukkan bahawa amalan pengubatan Islam adalah suatu bidang yang memerlukan badan pengawalseliaan sepertimana penubuhan LAJPII oleh KKM supaya tidak ada sebarang keraguan dan penyelewengan dapat dilakukan terhadap ajaran Islam. Seterusnya, pengiktirafan Standard Pengukuran Pematuhan Syariah (i-

SYIFA') sebagai instrumen yang digunakan untuk melakukan proses saringan terhadap pengamal yang ingin berdaftar dan mendapatkan kebenaran beramal oleh KKM juga adalah salah satu bentuk pencegahan awal terhadap penyelewengan amalan pengubatan Islam. Bahkan, menjalankan prosedur pendaftaran dengan beberapa proses secara terperinci dengan meletakkan syarat-syarat yang khusus berkaitan amalan pengubatan Islam juga menunjukkan bahawa untuk menjadi seorang pengamal pengubatan Islam adalah mereka yang mempunyai kelayakan dan kemahiran dalam bidang ini sahaja.

### **Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM)**

Hasil temu bual mendapati bahawa terdapat beberapa peranan besar yang dimainkan oleh pihak JAIM bagi mengawal selia dan menangani isu penyelewengan amalan pengubatan Islam di peringkat negeri. Antaranya melalui;

#### **1. Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Melaka**

Peranan Bahagian Penguatkuasaan JAIM terbahagi kepada dua tahap. Pertama, Bahagian Penguatkuasaan menjalankan penyelidikan. Sekiranya pihak JAIM menerima sebarang maklumat atau aduan daripada masyarakat berkaitan sesuatu aktiviti yang bercanggah dengan akidah Ahli Sunnah wal Jamaah, termasuk aktiviti yang berkaitan dengan perbomohan. Bahagian Penguatkuasaan akan mendapatkan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk mengetahui adakah sesuatu aktiviti itu bercanggah dengan akidah Ahli Sunnah wal Jamaah ataupun garis panduan amalan pengubatan dan perbomohan menurut Islam yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri Melaka pada tahun 2012. Setelah itu, hasil penyelidikan tersebut akan dihantar kepada Jabatan Mufti Negeri Melaka.

Kedua, sekiranya Jabatan Mufti Negeri Melaka telah mengeluarkan sebarang fatwa berkaitan sesuatu amalan pengubatan yang bercanggah dengan syariah, bahagian Penguatkuasaan JAIM akan menguatkuaskan fatwa tersebut melalui beberapa peruntukan di bawah Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991. Oleh itu, Bahagian Penguatkuasaan akan mengambil tindakan kepada pengamal-pengamal yang melakukan penyelewengan amalan pengubatan Islam mengikut fatwa tersebut. Sekiranya terdapat kes-kes yang memerlukan kepada pemulihan, maka proses pemurnian pengamal pengubatan akan dijalankan oleh Majlis Pemurniaan.

#### **2. Jawatankuasa Fatwa Jabatan Mufti Negeri Melaka**

Jabatan Mufti Negeri Melaka melalui Jawatankuasa Fatwa adalah pihak yang berautoriti untuk menentukan sesuatu amalan pengubatan atau sesuatu perbomohan itu bercanggah dengan Islam ataupun tidak. Oleh itu, Jawatankuasa Fatwa akan membuat penilaian terhadap hasil kajian yang telah dibentangkan oleh Bahagian

Penguatkuasaan JAIM. Selepas itu, sekiranya hasil daripada kajian menunjukkan bahawa amalan ataupun aktiviti perbomohan itu bercanggah dengan hukum syarak, maka Jawatankuasa Fatwa akan mengeluarkan atau mewartakan fatwa yang berkaitan dengan perkara tersebut.

### 3. Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991

Terdapat beberapa peruntukan di bawah Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991 dengan kesalahan yang berkaitan bidang amalan pengubatan Islam iaitu:

#### i. Seksyen 60. Ajaran Salah.

Sesiapa yang mengajar atau menjelaskan kepada seseorang atau di tempat awam mengajar atau menjalankan sesuatu istiadat atau sesuatu perbuatan yang bertentangan dengan Hukum Syarak adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi tiga puluh enam bulan atau kedua-duanya sekali dan segala dokumen bertulis dan alat-alat berkaitan ajaran salah itu hendaklah dirampas dan dimusnahkan sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah.

#### ii. Seksyen 61. Mempermainingkan ayat al-Quran atau Hadith.

Sesiapa yang mempermainingkan, mencela, mengejek-ejek dengan perkataan atau perbuatan atau menghina al-Quran atau Hadith Nabi atau perkataan yang berkaitan dengan Agama Islam adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi tiga puluh enam bulan atau kedua-duanya sekali.

#### iii. Seksyen 62. Mempersendakan Agama Islam.

Sesiapa yang mengolok-olok, mengajuk atau mengejek-ejek akan Agama Islam, dengan perkataan atau perbuatan atau amalan atau upacara yang berkaitan dengan Agama Islam adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi tiga puluh enam bulan atau kedua-duanya sekali.

#### iv. Seksyen 63. Menghina agama Islam.

(1) Sesiapa dengan secara lisan atau tulisan atau kelakuan yang nyata atau sebarang cara yang membawa kepada mencerca atau disifatkan sebagai menghina atau cuba mencerca atau menghina Agama Islam, perjalanan mana-mana mazhab yang muktabar, pegawai Agama, Guru Agama dan Imam yang dilantik dengan sahnya menurut undang-undang, mana-mana fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis atau Mufti di bawah peruntukan Enakmen ini, adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan

hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjara tidak melebihi tiga puluh enam bulan atau kedua-duanya sekali.

(2) Seseorang Islam yang mendakwa dirinya sebagai seorang bukan Islam adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan mengikut subseksyen (1) seksyen ini kerana mempersendakan Agama Islam dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman yang diperuntukkan dalamnya.

v. Seksyen 65. Menghina pihak berkuasa agama.

Sesiapa yang mengingkari, melanggar, membantah atau mengeji (selain dari menjalankan hak membuat rayuan) kewibawaan dan titah perintah yang sah daripada Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama Islam, perintah Majlis, mana-mana Jawatankuasa Majlis pegawai mana-mana Mahkamah Syariah atau mana-mana pegawai agama, adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan atau kedua-duanya sekali.

vi. Seksyen 69. Pemujaan.

Sesiapa yang memuja pantai, pokok kayu, padang, kubur, hutan belukar, bukit atau mana-mana orang atau apa-apa benda dengan apa-apa jua cara yang bercanggah dengan Hukum Syarak adalah merupakan suatu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi lapan belas bulan atau kedua-duanya sekali dan Mahkamah boleh memerintahkan supaya alat-alat yang digunakan atau bangunan atau binaan yang digunakan bagi pemujaan itu dimusnahkan.

#### 4. Program-Program Anjuran Jabatan Agama Islam Melaka

Beberapa program bagi memberi kesedaran dan pengetahuan kepada masyarakat Islam berkaitan dengan amalan pengubatan Islam dan perbomohan telah dijalankan oleh JAIM. Antaranya ialah aktiviti-aktiviti pencegahan yang dijalankan oleh Unit Pencegahan JAIM untuk mencegah masyarakat daripada terlibat dengan aktiviti-aktiviti perbomohan yang bertentangan dengan hukum syarak.

Selain itu, JAIM juga menganjurkan program-program yang berbentuk keagamaan berkaitan dengan akidah. Pada peringkat umum, JAIM mempunyai barisan guru-guru takmir yang akan mengajar setiap seminggu sekali di seluruh masjid di negeri Melaka. Pihak JAIM akan menjemput penceramah daripada Jabatan Mufti untuk memberi pendedahan kepada guru-guru takmir berkaitan dengan aktiviti-aktiviti perbomohan dengan mengadakan kursus pemahaman, pemantapan akidah, dan seminar Ahli Sunnah wal Jamaah kepada guru-guru takmir, pegawai syarak, pegawai-pegawai

masjid, imam, bilal dan sebagainya. Oleh yang demikian, mereka yang terlibat dengan program tersebut adalah agen-agen yang menjalankan aktiviti dan memberikan kesedaran kepada masyarakat melalui kelas-kelas takmir dan juga halaqah.

Seterusnya, JAIM juga telah mengadakan khutbah secara khusus berkaitan dengan amalan perbomohan. Inisiatif yang dijalankan ini juga untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat dalam melalui khutbah Jumaat yang disampaikan oleh khatib di seluruh masjid Negeri Melaka.

JAIM juga telah terlibat dengan bengkel i-SYIFA' yang dibangunkan oleh KKM sebagai kawalan terhadap pendaftaran pengamal pengubatan Islam. Oleh itu, pengamal-pengamal yang ingin berdaftar dan mendapatkan kebenaran beramal daripada KKM boleh melalui JAIM untuk melalui proses saringan.

Hal demikian menunjukkan bahawa pengawalseliaan yang dijalankan oleh JAIM terhadap pengamal pengubatan Islam adalah sangat terperinci. Hal ini kerana, untuk menjatuhkan sebarang hukum terhadap seseorang yang adalah tidak mudah. Perkara ini perlu dilakukan secara teliti sebagaimana yang dilakukan oleh JAIM dengan mengikuti proses-proses tertentu seperti penyelidikan yang dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasa, proses persidangan di Bahagian Jawatankuasa Fatwa, proses pewartaan fatwa, proses pensabitan kesalahan di bawah Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991 dan seterusnya proses hukuman. Hal ini juga sebagaimana bidang kuasa di Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri.

**Persatuan Perubatan, Pengubatan dan Kebajikan Islam Malaysia (Darussyifa')**  
Darussyifa' telah diiktiraf oleh Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari sebagai badan pengamal di bawah bidang amalan pengubatan Islam (Bahagian Perubatan Tradisional & Komplementari, 2022). Darussyifa' diasaskan oleh Haron Din dan secara rasminya ditubuhkan pada tahun 1988. Pusat rawatan Darussyifa' terawal beroperasi di Bangi, Selangor dan sehingga kini telah beroperasi di seluruh Malaysia sebagai Pusat Rawatan Kecil (PRK) Darussyifa'. Antara kaedah pengawalseliaan yang dilakukan diperingkat Darussyifa' adalah seperti yang berikut;

### 1. Lajnah Akademik

Lajnah Akademik Darussyifa' berperanan untuk menyediakan prasarana-prasarana akademik dan pengajaran bagi sesi pengajaran dalam Darussyifa'. Oleh itu, setiap kursus-kursus atau pengubatan yang ditawarkan oleh Darussyifa' kepada masyarakat telah menjadi kewajipan bagi bahagian kelulusan akademik untuk mengatur setiap perjalanan kursus-kursus tersebut bermula daripada pendaftaran sehingga pelajar bergraduat dan menggenggam ijazah sebagai ahli Darussyifa'. Oleh yang demikian

peranan secara khusus adalah menyediakan silibus, membuat penilaian, menyediakan kuliah-kuliah, mengatur jadual kuliah, menjemput penceramah-penceramah, kemudian mengadakan peperiksaan kepada pelajar dan mengadakan majlis konvokesyen dan pengijazahan pelajar. Justeru, mereka yang ingin menjadi pengamal pengubatan Darussyifa' hendaklah mengikuti proses-proses pengajian pengubatan yang telah ditetapkan. Hal ini demikian, bagi menjaga kualiti pengamal pengubatan Islam di Malaysia.

## 2. Prosedur Sebagai Pengamal Pengubatan Islam Darussyifa'

Pengamal yang mempelajari ilmu rawatan daripada Darussyifa', secara peribadi boleh mengamalkan ilmu pengubatan tersebut. Manakala, untuk menjadi pengamal secara rasmi perlu melalui sistem klinikal iaitu mereka harus menjalani praktikal selama enam bulan dan menjalani latihan sebagai seorang pengamal. Oleh itu, bukan semua daripada pengamal Darussyifa' yang menerima ijazah boleh menjadi pengamal pengubatan Islam walaupun mereka mempunyai ilmu-ilmu pengubatan tersebut. Tetapi, secara rasminya, mereka hanya boleh menjadi pengamal pengubatan Islam setelah selesai menjalani latihan dan diperakuan bahawa mereka telah terlatih untuk merawat pesakit. Pengamal juga perlu menyertai program *Continuous Professional Development* (CPD). Program ini adalah untuk meningkatkan tahap profesionalisma setiap pengamal pengubatan Islam di samping dapat memastikan pengamal Darussyifa' sentiasa mengikuti kaedah rawatan yang betul.

## 3. Lajnah Tarbiyyah, Disiplin dan Tatatertib

Misi Lajnah Tarbiyyah, Disiplin dan Tatatertib adalah untuk menerapkan tarbiyyah dan disiplin kepada semua pengamal-pengamal pengubatan Darussyifa'. Seterusnya, mengambil tindakan tatatertib kepada pengamal yang gagal mematuhi *Standard Operating Procedure* (SOP) rawatan yang telah ditetapkan dengan undang-undang sedia ada untuk memastikan semua pengamal beretika dan berintegriti.

Dari aspek tarbiyyah, terdapat beberapa perkara yang diterapkan kepada pengamal. Antaranya ialah kawalan nafsu, jujur dalam percakapan, ihsan dalam amalan, amanah dalam muamalat, berani dalam memberi pandangan, adil dalam menghukum, berazam untuk kebaikan dan sebagainya. Perkara ini menjadi suatu prinsip kepada semua pengamal Darussyifa' sama ada ketika menjalankan tugas sebagai perawat maupun dalam kehidupan seharian mereka. Selain itu, pengamal juga dilatih beberapa elemen-elemen lain seperti sabar dalam apa jua keadaan yang dihadapi, tetap pendirian (*istiqamah*), berwawasan, mempunyai azam yang tinggi, tidak mudah putus asa dan tetap dalam jemaah. Malah, terdapat empat kaedah tarbiyyah dan disiplin yang dilakukan. Antaranya ialah;

- i. Menasihati pengamal daripada mengulangi kesalahan mereka.

- ii. Membantu pengamal yang bermasalah daripada mempengaruhi pengamal lain.
- iii. Membantu memperbaiki tingkah laku pengamal.
- iv. Setiap kesalahan yang disabitkan akan mendapat hukuman setimpal.

Sekiranya terdapat aduan yang melibatkan kesalahan-kesalahan pengamal sama ada dari sudut kesalahan etika ataupun kesalahan syariah, maka pengamal tersebut akan diadili dan dilihat dari sudut disiplin melalui tatacara perundangan disiplin di Darussyifa' berpandukan Garis Panduan Etika Ahli dan Perawat Darussyifa' (2010). Seterusnya, tugas lajnah adalah mentafsir dan menentukan kesalahan yang dilakukan oleh pengamal sama ada termasuk dalam kategori kesalahan kecil ataupun kesalahan besar dan mencadangkan bentuk hukuman tatatertib yang sewajarnya diambil oleh jawatankuasa tertinggi Darussyifa' terhadap pengamal yang didapati bersalah. Kesalahan etika dan kesalahan syariah yang akan dikenakan tindakan disiplin oleh Darussyifa' adalah seperti yang berikut;

#### i. Kesalahan Etika

Amalan-amalan yang menyalahi dari sudut etika ialah apabila pengamal menjalinkan hubungan dengan orang yang dirawat sebagai contoh melakukan jenayah; menjalinkan hubungan istimewa bersama isteri orang; mencabul ataupun; melakukan kaedah rawatan yang boleh menimbulkan fitnah iaitu merawat pesakit secara bersendirian di tempat yang tertutup; pengamal yang menyakiti pesakit atau mencederakan pesakit dengan memiciti bahagian-bahagian tertentu yang membuatkan pesakit terpaksa menerima rawatan yang lain, dan lain-lain lagi.

#### ii. Kesalahan Syariah

Manakala kesalahan-kesalahan dari sudut Syariah pula ialah apabila seseorang pengamal melakukan kaedah rawatan selain kaedah yang dibenarkan oleh Darussyifa' tetapi menggunakan nama Darussyifa'. Selain itu, mencampuradukkan ilmu rawatan Darussyifa' dengan kaedah rawatan lain yang meragukan. Sebagai contoh, pengamal melakukan ilmu-ilmu atau kaedah-kaedah sihir di dalam rawatan dengan menggunakan patung, tangkal dan sebagainya. Seterusnya, pengamal yang menggunakan konsultasi yang tidak betul kepada pesakit. Contohnya, berkaitan dengan saka, jin dan lain-lain yang tidak diajar di dalam silibus Darussyifa'.

### 4. Program-Program Anjuran Darussyifa'

#### i. Peringkat Darussyifa'

Darussyifa' melaksanakan program pada setiap minggu iaitu melalui sistem pengajian mingguan yang mana majlis zikir dan juga majlis ilmu akan dihadiri oleh ahli-ahli Darussyifa'. Maklumat-maklumat dan peringatan-peringatan untuk beramal dengan

kaedah yang betul akan sentiasa di war-warkan kepada pengamal Darussyifa' melalui majlis ilmu tersebut. Kemudian, Darussyifa' juga melaksanakan program-program *Continuous Professional Development* (CPD) untuk mengawal dan memantau setiap pengamal Darussyifa'.

#### ii. Darussyifa' Bersama Pusat Pengubatan Islam yang Lain

Darussyifa' sentiasa menjalankan kerjasama dengan pusat-pusat rawatan yang lain. Contohnya, jalinan dengan beberapa pusat-pusat rawatan seperti Darussalam dengan mengadakan dialog perbincangan, perhubungan diantara pusat rawatan yang lain bersama-sama guru Darussyifa' dan perbincangan-perbincangan dari sudut ilmiah. Antara topik perbincangan adalah berkaitan kaedah merawat orang sakit jiwa, sakit psikologi dan lain-lain untuk mengetahui dan membincangkan kaedah yang sesuai digunakan sekiranya mendepani pesakit sedemikian dan sebagainya.

Oleh hal yang demikian, peranan Darussyifa' dalam mengekang penyelewengan yang dilakukan oleh pengamal dijalankan secara holistik iaitu melalui proses pengajian berkaitan kaedah pengubatan Islam. Selain itu, proses tarbiyyah yang dilakukan dengan memfokuskan kepada pemberian akhlak pengamal dari sudut kehidupan sehari-hari mereka. Seterusnya, mengadakan program-program yang dapat meningkatkan tahap profesionalisme pengamal di samping dapat memastikan kualiti pengamal pengubatan Islam patuh syariah.

### **PERANAN PIHAK BERAUTORITI DALAM KONTEKS PENDEKATAN DAKWAH**

Melalui peranan pihak berautoriti dalam mengawal selia amalan pengubatan Islam, terdapat beberapa pendekatan dakwah yang dapat dikenal pasti. Antaranya adalah seperti yang berikut;

#### **Dakwah Melalui Amaran, Kuasa dan Undang-Undang**

Imam al-Syatibi (1975) menyatakan bahawa kepentingan menjaga akidah adalah sama dengan menjaga agama. Justeru, perkara tersebut perlu dilandaskan dengan penguatkuasaan peraturan, memberi amaran dan jaminan tertentu serta memulihkan perkara-perkara yang menggugat kesucian akidah Islam terhadap masyarakat dan individu. Peranan ulama dan pemerintah (*umara'*) bukan sahaja menyuruh melakukan perkara yang baik, malah mesti melarang manusia daripada melakukan kemungkar dan syirik (Jasni Sulong, 2016). Para pemerintah dan ulama mempunyai tugas berat dalam memastikan penganut agama sentiasa patuh dan taat pada akidah Islam (Abdul Hadi Awang, 1991).

Pendekatan yang berbentuk amaran bertujuan untuk menyeru sasaran agar menjauhkan diri daripada melakukan kemaksiatan dan penderhakaan terhadap Allah

SWT (Mohd Siroj, A. L. & Roshimah, S., 2020). Ab. Aziz (2001) menyatakan kaedah penyampaianya adalah dengan memberikan amaran dan menimbulkan perasaan gerun dalam diri orang yang ingin melakukan sesuatu perkara yang dilarang oleh agama. Hal ini sebagaimana yang dilakukan oleh ketiga-tiga pihak berautoriti iaitu KKM, JAIM dan Darussyifa' dalam mengawal selia bidang amalan pengubatan Islam dengan mendasari bidang tersebut dengan akta undang-undang, enakmen, pewartaan fatwa, peraturan, etika disiplin dan garis panduan amalan pengubatan Islam.

Sebagai contoh, di peringkat negeri Perak pada tahun 2015 telah mewartakan fatwa mengenai pengharaman upacara seorang individu dikenali sebagai Raja Bomoh Ibrahim Mat Zin di bawah Seksyen 36 dan Seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004. Fatwa tersebut menyatakan bahawa upacara dan amalan perbomohan yang dilakukan oleh Raja Bomoh yang menggunakan objek-objek tertentu seperti Sangkar Burung Cenderawasih, Tebu Salak Hitam, Bubu, Teropong Buluh Kuning, Air Telaga Buta, Air Berlaga Simpang Tiga atau tanpa menggunakan apa-apa objek, sama ada untuk tujuan perubatan, perbomohan atau selainnya, adalah berlawanan dengan hukum syarak dan haram.

Oleh demikian, umat Islam dilarang menyebar, mempromosikan fahaman dan ajaran, menghadiri apa-apa upacara yang dikaitkan dengan ajaran tersebut atau menyokong apa-apa aktiviti perbomohan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Orang Islam di negeri ini juga dilarang menerbit, memuat naik atau memuat turun apa-apa terbitan berbentuk risalah, media sosial, rakaman audio atau filem berkaitan aktiviti individu terbabit. Mana-mana orang Islam atau kumpulan yang menjadi ahli atau pengikutnya juga boleh dikenakan tindakan di bawah enakmen tersebut (Warta Kerajaan Negeri Perak, 2015).

Pada tahun 2022, individu yang sama iaitu Raja Bomoh Ibrahim Mat Zin dikenakan tindakan mengikut Seksyen 14 Enakmen Jenayah Syariah Perak 1992 atas kesalahan mencela dan menghina agama Islam selepas video berdurasi 25 minit yang tular di Facebook itu menunjukkan bersama seorang wanita dikenali sebagai ‘Puteri Zaleha’ membuat ritual tepung tawar dipercayai untuk menolak kejadian banjir. Mereka menggunakan bahan-bahan seperti beras, kunyit, bunga dan daun-daun kayu. Turut kelihatan di hadapan mereka iaitu surah Yasin dan kitab suci al-Quran. Enakmen menyebut bahawa mereka yang mempersenda akan amalan atau upacara yang berkaitan agama Islam adalah suatu kesalahan yang boleh disabitkan dengan hukuman denda tidak melebihi RM3,000 atau penjara maksimum dua tahun, atau kedua-duanya (Normawati Adnan, 2022).

### Nasihat yang baik (*Mauizah al-Hasanah*)

Nasihat yang baik bermaksud kata-kata yang diucapkan secara halus, lembut, tenang dan boleh menyegarkan hati kerana ikhlas serta jauh daripada menyenggung mana-mana pihak. Tujuan nasihat adalah untuk kebaikan dan semata-mata menjaga kepentingan sasaran untuk masa depan di dunia dan akhirat (Ab. Aziz Mohd Zin, 2001). Lemah lembut dalam memberi nasihat dapat memberi hidayah kepada banyak hati-hati yang jahat, menjinakkan hati-hati yang liar yang membawa hasil yang lebih baik dari menggunakan kata-kata kasar, celaan dan cacian (Sayyib Qutb, 1980). Komunikasi dengan menggunakan kata-kata yang baik merupakan suatu kaedah dakwah yang berkesan, baik dan sesuai digunakan dalam banyak situasi dan terhadap pelbagai golongan sasaran dakwah dan dapat memberikan impak yang sangat mendalam serta meninggalkan kesan dalam jiwa pendengarnya (Mokhtar, 2021).

Tanggungjawab memberi peringatan (*inzar*) dan menakutkan (*takhwif*) adalah untuk memastikan kemantapan akidah Islam dalam kehidupan seseorang Muslim (Sa'id Hawwa, 2009). Hal ini sebagaimana yang dilakukan oleh Darussyifa' melalui *tarbiyyah* kepada setiap ahli dan pengamalnya dalam memastikan setiap pengamal sentiasa *istiqamah* dalam memelihara akidah, syariah dan akhlak mulia sama ada sebagai pengamal pengubatan maupun dalam kehidupan sehari-hari sebagai seorang Muslim. Selain itu, melalui proses permurnian pengamal yang dijalankan oleh JAIM sekiranya terdapat kes-kes yang memerlukan pemulihan pengamal pengubatan bergantung kepada saranan Jawatankuasa Fatwa.

Seterusnya, program-program yang dijalankan oleh JAIM dan Darussyifa' dalam usaha memberi peringatan dan nasihat kepada pengamal pengubatan dan masyarakat. Sebagai contoh, program *Continuous Professional Development* (CPD) yang dilaksanakan kepada pengamal pengubatan Islam Darussyifa' yang bertujuan untuk meningkatkan tahap profesionalisme setiap pengamal pengubatan Islam di samping memastikan pengamal menjalankan kaedah rawatan yang betul. Setiap pengamal akan dinilai mengikut markah-markah CPD yang dapat dicapai oleh mereka. Bagi mendapatkan markah tersebut, pengamal perlu menjalani kursus-kursus tertentu pada setiap tahun, program-program yang berbentuk ilmiah, program-program menyemak bacaan al-Quran supaya bacaan yang diamalkan itu betul dan tidak tersasar, menghadiri ujian dari semasa ke semasa dan sebagainya. Selain itu, Darussyifa' juga melaksanakan program seperti majlis zikir dan juga majlis ilmu melalui sistem pengajian mingguan yang dihadiri oleh ahli-ahli Darussyifa'. Melalui majlis-majlis tersebut, maklumat-maklumat dan peringatan-peringatan untuk beramal dengan kaedah yang betul akan sentiasa di war-warkan kepada pengamal-pengamal Darussyifa'. Oleh yang demikian, program-program seperti ini dapat mengawal selia dan memperkasa pengamal pengubatan Islam yang berkualiti.

### Perdebatan yang Baik (*Mujadalah*)

Sekiranya sasaran adalah golongan iaitu golongan yang menentang akidah Islam, perlu didakwahkan melalui perdebatan dan dialog secara baik kerana pendekatan melalui nasihat yang baik tidak dapat memberikan rasa yakin serta rasa puas hati kepada mereka (Al-Ghazali, 1909). Rauf Shalabi dalam Ab Aziz Mohd Zin (2001), menyatakan bahawa tujuan *mujadalah* hendaklah semata-mata untuk mencari kebenaran dengan menjaga adab-adab supaya tidak menjatuhkan dan memburukkan mana-mana pihak yang terlibat, diikuti dengan membangunkan fitrah keimanan yang tersembunyi dalam jiwa sasaran (Ulwan, 1986).

Hasil penelitian mendapati bahawa proses *mujadalah* antara pihak berautoriti dengan pengamal pengubatan yang melakukan kesalahan dijalankan oleh Darussyifa'. Proses *mujadalah* dijalankan antara Lajnah Tarbiyyah, Disiplin dan Tatatertib dengan pengamal sebagai cara untuk merungkaikan permasalahan dan syor terhadap bentuk hukuman kepada pengamal yang bersalah sebelum dibawa ke peringkat majlis tertinggi Darussyifa'.

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa pendekatan ini diaplikasikan kepada pengamal pengubatan Islam Darussyifa' yang telah melakukan kesalahan dalam amalan pengubatan Islam sama ada dari sudut etika ataupun syariah. Proses *mujadalah* dapat memastikan pengamal diadili dengan cara yang betul dan permasalahan dapat diketahui dengan jelas sebelum sebarang hukuman atau tindakan dikenakan.

### Dakwah Melalui Saluran dan Media

Al-Sayyid Nawfal dalam Ab. Aziz (2001) menyatakan bahawa *wasilah* ialah jalan untuk menyampaikan persempahan isi kandungan dakwah kepada sasaran yang diolah melalui pelbagai bentuk melalui pelbagai media perhubungan. Saluran dan media yang digunakan adalah seperti media tradisional, media cetak dan media elektronik. Dakwah melalui media tradisional ialah hubungan peribadi atau komunikasi antara dua hala yang mudah memberi kefahaman kepada sasaran, ia senang dilakukan untuk menghilangkan sebarang kekeliruan terhadap sesuatu perkara. Manakala, media cetak pula adalah seperti pengeluaran buku dan penerbitan akhbar iaitu antara media cetak yang terawal di Malaysia (Ab. Aziz Mohd Zin, 2001). Al-Shanqiti dalam Ab. Aziz (2001) menyatakan bahawa media elektronik adalah berbentuk dunia tanpa sempadan mempunyai pengaruh yang besar terhadap manusia dalam penyebaran maklumat.

Hasil penelitian menunjukkan bahawa JAIM menggunakan pendekatan melalui media tradisional iaitu menjalankan program-program bersemuka antara orang yang menyampaikan dakwah dengan sasaran dakwah seperti khutbah, kelas pengajian agama, ceramah dan lain-lain. Darussyifa' pula menggunakan pendekatan melalui

media cetak seperti buku-buku pengajian amalan pengubatan Islam yang mudah didapati oleh kesemua lapisan masyarakat. KKM dan JAIM juga menggunakan medium media elektronik dengan menyebarkan garis panduan amalan pengubatan Islam sebagai panduan kepada pengamal dan masyarakat dalam mengamalkan dan mendapatkan rawatan secara patuh syariah di samping sebagai medium kepada pengamal untuk mendaftarkan diri. Malah, platform media elektronik digunakan untuk menyebarkan maklumat, fatwa dan lain-lain kepada masyarakat awam.

Hasil pengumpulan data terhadap peranan pihak-pihak berautoriti dalam konteks pendekatan dakwah menangani penyelewengan dalam amalan pengubatan Islam adalah seperti jadual yang berikut;

**Jadual 1: Pemetaan peranan pihak berautoriti dalam konteks pendekatan dakwah**

Bil.	Pendekatan Dakwah	Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)	Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM)	Persatuan Perubatan, Pengubatan dan Kebajikan Islam Malaysia (Darussyifa')
1.	<b>Dakwah Melalui Amaran, Kuasa &amp; Undang-Undang</b>	√	√	√
2.	<b>Mauizah al-Hasanah</b>		√	√
3.	<b>Mujadalah</b>			√
4.	<b>Dakwah Melalui Saluran dan Media</b>	√	√	√

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, tidak dapat dinafikan bahawa peranan pihak berautoriti menjadi tunjang utama dalam menangani penyelewengan yang dilakukan oleh pengamal pengubatan Islam di Malaysia. Justeru, pihak berautoriti perlu memenuhi ruang semaksimal yang mungkin bagi meningkatkan kualiti pengamal dalam bidang amalan pengubatan Islam. Hasil perbincangan mendapati bahawa pengawalseliaan yang dijalankan pada peringkat persekutuan meliputi proses pendaftaran pengamal sebagai pengamal pengubatan Islam berdaftar dan mendapat kebenaran beramal oleh KKM. Seterusnya, pengamal boleh menjalankan aktiviti pengubatan di samping tertakluk dengan akta yang telah dibentuk. Secara khususnya penulis berpandangan, selain daripada pengawalseliaan pada peringkat pendaftaran seperti menjalankan saringan,

LAJPII, KKM perlu memperbaharui atau membina garis panduan kaedah pengubatan Islam yang didasari oleh perkara-perkara yang boleh dilakukan, perkara-perkara yang dilarang dengan perbahasan berkaitan dalil, hukum dan pandangan fiqh sebagai syarat-syarat kaedah yang hanya boleh dilakukan oleh pengamal pengubatan Islam berdaftar dengan lebih meluas merangkumi pengamalan pengubatan Islam secara fizikal, jarak jauh, secara atas talian dan melalui media sosial. Hal ini perlu dilaksanakan di peringkat persekutuan dan diikuti di peringkat negeri dan di peringkat badan pengamal sebagai satu usaha untuk memperkasa dan merealisasikan pengamal atau pusat pengubatan Islam patuh syariah.

## RUJUKAN

Al-Qur'an.

Ab. Aziz Mohd Zin. (2001). *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Abdul Hadi Awang. (1991). *Mukaddimah Akidah Muslim*, 19. Kelantan: Pustaka Aman Press.

Abdullah Naseh Ulwan. (1986). *Haifa Yad'u al-Dai'yan*, hlm. 148-149. Beirut.

Adli Mat Daud. (2020, Dis 6). *Pengamal Perubatan Islam Ditahan Cabul Pesakit Wanita*. Retrieved from Utusan Malaysia: <https://www.utusan.com.my/berita/2020/12/pengamal-perubatan-islam-ditahan-cabul-pesakit-wanita/>

Ahmad Naja', M. S. (2018). Fenomena Kepercayaan dan Amalan Masyarakat dalam Perubatan Islam di Malaysia. *Jurnal Ushuluddin Adab dan Dakwah* (2018) 1 (2), 155-175.

Ahmad Naja', M. S. (2018). Isu dan Masalah Akidah dan Syariah dalam Pengubatan Spiritual Islam dalam Kalangan Masyarakat Islam di Malaysia. *Jurnal Ushuluddin Adab dan Dakwah*, 131-154.

Al-Ghazali, A. H. (1909). *al-Iqtisad fi at-I'tiqad*, 40. Persia: Matba at Al-Sa Adah.

Al-Shātibī, A. I. (1975). *al-Muwāfaqāt fī Usūl al-Sharī'ah*, ed. „Abd-Allāh Darrāz, 2nd ed 4:27. Beirut: Dār al-Ma'rifah.

Creswell, J. W. (2014). *Research Design Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. Los Angeles: SAGE Publications.

Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991. (1991). Melaka.

Erlingsson, C. & Brysiewicz, P. (2017). A hands-on guide to doing content analysis. *African Journal of Emergency Medicine*, 93-99.

Faizal Ghazali. (2021, Okt 17). *Bomoh Durjana Dipercayai Rogol Bakal Pengantin*. Retrieved from Malaysia Kini: <https://www.malaysiakini.com/news/595723>

Farhan, M. A. (2013). Seni Perubatan Alternatif Di Malaysia: Analisis Permasalahan Metode Rawatan. *Global Journal Al-Thaqafah (GJAT)* Vol, 3 Isu, 2, 79-90.

Fauziah Mat. (2011). Kajian Tindakan dalam Pendidikan. kajang, Selangor.

- Hawwa, S. (2009). *Kay La Namdi Ba`idan `an Ihtiyajat al-`Asr*, c. 5. Kaherah: Dar al-Salam li al-Tiba`ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi' wa al-Tarjamah, h. 83.
- Heriyanto. (2018). Thematic Analysis sebagai Metode Menganalisa Data untuk Penelitian Kualitatif. *ANUVA Volume 2 (3)*, 317-324.
- JAKIM. (2006). *Penjelasan Istilah Yang Boleh Membawa Penyelewengan Akidah*. Kuala Lumpur: JAKIM.
- Jasni Sulong. (2016). Pemeliharaan Akidah Islam: Analisis Daripada Sudut Penguatkuasaan Undang-Undang dan Fatwa di Pulau Pinang. *Afkar Vol. 18 Special Issue*, 1-34.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2011). *Garis Panduan Amalan Pengubatan Islam*. Kuala Lumpur: Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari .
- Mohammad Natsir. (1978). *Fiqhud Da'wah*. Jakarta: Dewan Dakwah Islamiyah Indonesia.
- Mohd Siroj, A. L. & Roshimah, S. (2020). Pendekatan Dakwah Nabi SAW Terhadap Wanita Menurut Al-Sunnah. *Al-'Abqari: Journal of Islamic Social Sciences and Humanities VOL. 23 (1)*, 213-234.
- Mokhtar, S. H. (2021). Analisis Prinsip-Prinsip Komunikasi Islam Dalam Kitab Al-Quran. *International Journal of Law Government and Communication* , 104-156.
- Munirah Abd Razzak, K. A. (2019). Penyalahgunaan Ayat al-Quran dan Penyelewengan Pusat Pengubatan Islam di Malaysia. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)*, Vol 4(2), 429-448.
- Normawati Adnan. (2022, Januari 5). *Sinar Harian*. Retrieved from Fatwa Perak haramkan ritual Raja Bomoh Sejak 2015: <https://www.sinarharian.com.my/article/181605/berita/semasa/fatwa-perak-haramkan-ritual-raja-bomoh-sejak-2015>
- Sayyib Qutb. (1980). *Fi Zilal al-Quran*. Beirut: Darul Syuruq.
- Siti Rohana Idris. (2021, Ogos 12). *Polis Siasat Pengamat Perubatan Didakwa Cabul Remaja Perempuan*. Retrieved from Harian Metro: <https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2021/08/741777/polis-siasat-pengamat-perubatan-didakwa-cabul-remaja-perempuan>
- Undang-Undang Malaysia. (2016). *Akta Perubatan Tradisional Dan Komplementari 2016*. Malaysia.
- Warta Kerajaan Negeri Perak. (2015, Ogos 3). *Fatwa Mengenai Pengharaman Upacara Perbomohan Ibrahim Bin Mat Zin*. Retrieved from [https://mufti.perak.gov.my/images/perkhidmatan/koleksi\\_umum/warta\\_kera\\_jaan/ibrahim.pdf](https://mufti.perak.gov.my/images/perkhidmatan/koleksi_umum/warta_kera_jaan/ibrahim.pdf)